



13 Jun 2016
13 June 2016
P.U. (A) 163

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 10) 2016

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 10) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 10) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2008.

Orang yang layak

2. Orang yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia; dan

(b) yang menjalankan aktiviti yang layak.

Aktiviti yang layak

3. Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual berhubung dengan sektor yang dinyatakan dalam ruang (2) yang berkenaan dengannya pengecualian diberikan di bawah—

(a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 4) 2016 [*P.U. (A) 157/2016*];

(b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 5) 2016 [*P.U. (A) 158/2016*];

(c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 6) 2016 [*P.U. (A) 159/2016*]; dan

(d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 2016
[P.U. (A) 160/2016].

Pengecualian

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan orang bukan pemastautin daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang berikut yang diterima daripada orang yang layak bagi maksud suatu aktiviti yang layak:

(a) fi bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan di bawah subperenggan 4A(ii) Akta; atau

(b) royalti di bawah perenggan 4(d) Akta.

(2) Subperenggan (1) terpakai bagi bayaran yang dibuat berkenaan dengan pendapatan di bawah subsubperenggan (a) atau (b) oleh orang yang layak itu kepada orang bukan pemastautin itu pada atau selepas 13 Jun 2008 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

Ketidakpakaian

5. Seksyen 109 dan 109B Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

JADUAL

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
1.	Maklumat, komunikasi dan teknologi	Perkhidmatan dan pembangunan maklumat, komunikasi dan teknologi
2.	Pendidikan dan latihan	Penubuhan universiti, kolej, institut latihan kemahiran, pusat latihan, pusat perkhidmatan atau institusi pembangunan dan penyelidikan